

28 NOV 1997

Mahathir-Teknologi

PEMINDAHAN TEKNOLOGI TINGKATKAN KELEBIHAN PERSAINGAN MALAYSIA

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

TOKYO, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang terdorong oleh sokongan berterusan dari pelabur-pelabur Jepun terhadap program pengindustrian, berkata pemindahan teknologi dari Jepun akan meningkatkan kelebihan persaingan produk tempatan secara global.

"Kami menghargai pemindahan teknologi kepada syarikat-syarikat di Malaysia...mungkin terdapat persaingan dalam pasaran, malahan antara syarikat usahasama dan syarikat utama di Jepun, tetapi persaingan seumpama itu adalah sihat," katanya pada majlis menandatangani perjanjian usahasama antara Premier Choice Sdn Bhd, Usra Tampi Sdn Bhd dengan Metro Denso Ltd dari Jepun.

Perjanjian itu adalah bagi pengeluaran suis gabungan untuk industri automotif di Malaysia dan eksport.

Dr Mahathir yang berada di sini dalam lawatan sambil bekerja selama dua hari berkata Malaysia menghargai kesudian syarikat-syarikat Jepun untuk berkongsi kepakaran mereka dalam aktiviti perindustrian berteknologi tinggi dengan rakan kongsi Malaysia, bertentangan dengan kepercayaan bahawa pengeluar Jepun enggan berkongsi pengetahuan mereka dalam bidang tertentu.

Beliau berkata pembentukan usahasama itu juga membantu Malaysia mengatasi kesulitan ekonomi akibat masalah mata wang yang dihadapi oleh negara-negara Asia Tenggara.

Beliau berkata kerjasama itu akan merapatkan lagi hubungan antara syarikat-syarikat di Malaysia dan Jepun.

Dr Mahathir yang singgah di ibu negara Jepun itu ketika dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur selepas menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver, kemudian menyaksikan majlis menandatangani dokumen usahasama oleh pengerusi Premier Choice Datuk Wira Mohd Saleh Sulong, pengerusi eksekutif kumpulan Datuk Abdul Shukor Mohamed dan Presiden Metro Denso M. Tanaka.

Usra Tampi memegang ekuiti 51 peratus dalam usahasama itu, Premier Choice sembilan peratus dan Metro Denso 40 peratus. -- BERNAMA

MFJ ZK/MA RON